

04 DEC 1996

MOU PROJEK PULIH GUNA TANAH DI MERSING DITANDATANGANI

THE HAGUE (BELANDA), 4 Dis (Bernama) -- Satu Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani di sini pada Selasa antara sebuah syarikat Malaysia dan sebuah syarikat kejuruteraan Belanda bagi satu projek untuk memulih guna kira-kira 800 ekar (364 hektar) tanah di Mersing, Johor.

Majlis penandatanganan itu, antara Enerwise Sdn Bhd dan Grabrowsky & Poort BV, disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Projek itu akan melibatkan kos pembangunan sebanyak RM800 juta dengan nilai projek dianggarkan RM1.2-1.4 bilion. -- BERNAMA

WAH SIA